

Evaluasi Keberkesanan Modul Pengajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu dalam Pendidikan Prasekolah

Arulmozhi a/p Narayanasamy dan Anis Norma Mohamad Jaafar

Abstrak - Kajian ini meneroka dan menganalisis keberkesanan pembangunan modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah. Objektif utama bertujuan menilai impak dan keberkesanan pembangunan modul yang disesuaikan khusus untuk meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid prasekolah. Kajian ini juga tertumpu kepada usaha meneliti metodologi, reka bentuk dan pelaksanaan pembangunan modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam kurikulum prasekolah. Dapatan menunjukkan bahawa modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu terbukti sangat berkesan dalam pendidikan prasekolah. Hal ini termasuk peningkatan ketara dalam kesedaran fonemik, pengayaan perbendaharaan kata, kemahiran memahami dan peningkatan minat membaca. Keseluruhannya, ini dilihat dalam kalangan murid prasekolah yang terdedah kepada modul yang telah dibangunkan dengan teliti melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan. Kajian ini juga memberi implikasi yang signifikan untuk memperhalusi proses pembangunan modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu dengan menekankan peranan pentingnya dalam pendidikan prasekolah. Selain itu, potensi untuk mengembangkan tahap kemahiran membaca dengan ketara dalam kalangan murid prasekolah serta keperluan untuk menjalankan kajian lanjut tentang pembangunan modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu yang diselaraskan mengikut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dalam pendidikan prasekolah turut ditekankan. Dengan ini, tahap penguasaan kemahiran membaca dapat ditingkatkan ke peringkat yang lebih memberangsangkan pada masa hadapan.

Kata Kunci – Pendidikan Prasekolah, Bahasa Melayu, Kemahiran Membaca, Modul Pengajaran, Keberkesanan

I. PENGENALAN

Pendidikan prasekolah ialah fasa penting dalam perkembangan murid-murid, justeru menjadi asas pembelajaran sepanjang hayat (KSPK, 2017).

Pendidikan yang merangkumi lapan tahun pertama kehidupan manusia, memainkan peranan penting dalam memupuk kematangan emosi, kemajuan kognitif dan perkembangan fizikal dalam kalangan murid. Perkara tersebut juga merangkumi pendidikan dari usia lahir hingga lapan tahun dengan tumpuan kepada pembangunan holistik dan kesediaan untuk ke sekolah (Begum, 2023).

Ditinjau dari sudut ini, Behera dan Rath (2022) memberikan pandangan bahawa pendidikan prasekolah merupakan langkah pertama yang penting dalam perjalanan pendidikan murid-murid. Pengalaman pembelajaran yang baik dan menyeronokkan pada peringkat ini boleh

melengkapkan murid-murid dengan kemahiran penting, meningkatkan keyakinan mereka dan memupuk sikap positif terhadap pembelajaran masa depan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 juga memberi tumpuan utama kepada kemahiran literasi dalam Aspirasi Murid, iaitu pengetahuan, yakni peringkat paling asas yang perlu dikuasai sepenuhnya oleh setiap murid bagi kemahiran literasi (PPPMM 2013-2025, 2013).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menekankan kepentingan kemahiran membaca menerusi Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dalam tunjang komunikasi yang perlu dikuasai oleh murid-murid prasekolah sebagai persediaan sebelum melangkah ke tahun satu (KSPK, 2017). Tunjang komunikasi ialah aspek utama dalam KSPK yang memberi tumpuan dalam usaha membangunkan kemahiran bahasa lisan dan bukan lisan untuk membantu murid-murid berkomunikasi dengan berkesan. Tunjang ini memberi tumpuan kepada bahasa yang perlu dipelajari oleh murid-murid prasekolah, iaitu Bahasa Melayu. Membaca ialah kemahiran penting kepada murid-murid prasekolah untuk mengembangkan kebolehan komunikasi dan literasi supaya mereka boleh meneruskan pembelajaran apabila melangkah ke sekolah rendah. KPM mengiktiraf perkara ini dan telah menjadikan kemahiran membaca sebagai bahagian penting dalam KSPK yang perlu dikuasai oleh murid-murid prasekolah sebelum melangkah ke peringkat pendidikan seterusnya (KSPK, 2017).

Sehubungan dengan itu, modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu ialah modul membaca berstruktur yang direka untuk memberi kesan yang ketara terhadap tahap penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid prasekolah. Di samping itu, modul juga memupuk kecenderungan yang lebih besar ke arah minat terhadap membaca dalam kalangan murid dan membantu mereka mengembangkan bahasa serta memahami maksud perkataan. Buang and Mohd Majzub (2012) menyatakan bahawa penggunaan modul membaca berstruktur dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca untuk murid-murid prasekolah adalah penting untuk kejayaan akademik mereka pada masa hadapan.

II. PERNYATAAN MASALAH

Isu penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid telah wujud sebagai masalah pendidikan. Tambahan lagi, semenjak tiga tahun kebelakangan masalah ini menjadi semakin serius selepas penutupan sekolah akibat pandemik Coronavirus Disease 2019 (COVID-19). Guru prasekolah semakin bimbang dengan masalah ini kerana mereka perlu bersedia untuk menangani cabaran pendidikan pada masa hadapan. Walaupun pada masa sekarang masyarakat berada dalam fasa endemik, tetapi isu ini tidak boleh dipandang

Arulmozhi A/P Narayanasamy, Sultan Idris Education University, Malaysia (Email address: arulragu17@gmail.com)
Dr Anis Norma Binti Mohamad Jaafar, Sultan Idris Education University, Malaysia (Email address: anisnorma@fpm.upsi.edu.my)

enteng kerana COVID-19 bukan satu masalah yang pernah terfikir oleh sesiapa pun (Abdul Hamid, 2021).

Selari dengan fenomena semasa, masih terdapat masalah penguasaan kemahiran membaca dan terdapat murid-murid yang tidak menguasai kemahiran tersebut dengan sepenuhnya. Murid-murid berkemungkinan mengalami kesukaran untuk menyebut perkataan dengan betul atau akan gugup bahkan malas apabila terjumpa perkataan yang mereka tidak tahu cara untuk menyebutnya. Kesan daripada isu ini akan menghalang keupayaan mereka untuk mencapai penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu dengan lebih berkesan. Seterusnya, ini akan menjejaskan keupayaan mereka untuk belajar dan memahami perkara baharu dalam bilik darjah (Yueh Wei et al., 2020). Data menurut laporan *Utusan Malaysia* pada 28 April 2023 menyokong pendapat Yueh Wei et al. (2020) kerana sebanyak 269,332 murid-murid sekolah rendah di seluruh negara telah dikesan tidak menguasai kemahiran asas, iaitu membaca, mengira dan menulis secara sepenuhnya. Data ini berdasarkan jawapan lisan Kementerian Pendidikan di Dewan Negara baru-baru ini yang memaklumkan bahawa 6.03 peratus, iaitu 117,656 daripada 1,948,975 murid sekolah rendah di seluruh negara belum menguasai tahap penguasaan (TP) minimum, yakni TP1 dan TP2 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan data Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang diisi oleh sekolah pada 16 Mac 2023.

Fenomena ini menyedarkan kita bahawa, kemerosotan kemahiran membaca mungkin membawa kepada masalah buta huruf. Ketidakupayaan membaca boleh membawa kepada buta huruf, iaitu masalah serius yang menghalang keupayaan individu untuk belajar, bahkan berkomunikasi dengan berkesan. Jelaslah bahawa sesetengah murid bergelut untuk memperoleh kebolehan asas membaca, yang berpotensi mengancam literasi keseluruhan mereka. Buta huruf boleh memberi kesan yang meluas, menjejaskan pendidikan seseorang, peluang pekerjaan dan kualiti hidup secara keseluruhan. Isu ini perlu diberikan perhatian dengan segera bagi mengelakkan peningkatan kadar buta huruf dalam kalangan murid-murid (Abdul Hamid, 2021).

Tambahan pula, menurut Mahzan dan Ching (2018), dapat diperhatikan juga bahawa terdapat penurunan penekanan terhadap kajian tentang pembangunan modul asas bacaan Bahasa Melayu bagi murid-murid prasekolah. Kajian yang berkaitan dilihat semakin merosot dan kurang mendapat perhatian daripada pengkaji-pengkaji terkini. Dapatan ini menunjukkan bahawa, keperluan kajian untuk pembangunan modul pengajaran dan penerokaan bahan rujukan dalam pendidikan prasekolah, bertujuan meningkatkan keberkesanan sumber pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) untuk kegunaan guru prasekolah di dalam kelas. Membangunkan modul membaca yang tersusun dengan baik dan komprehensif adalah penting kerana boleh membantu murid-murid mengasah kebolehan membaca mereka. Perkara tersebut boleh membantu murid-murid mengatasi masalah membaca, meningkatkan kefahaman mereka dan memupuk minat membaca. Modul ini harus disesuaikan untuk memenuhi keperluan dan tahap murid-murid dengan menggunakan pendekatan yang lebih berkesan dan inklusif untuk meningkatkan kemahiran membaca. Modul membaca sedemikian boleh menjadi bahan bantu mengajar yang berkesan dalam menangani isu yang

diketengahkan dalam pernyataan masalah (Mahzan & Ching, 2018).

Membaca ialah kemahiran penting yang membentuk asas pembelajaran dan komunikasi untuk seseorang murid. Walau bagaimanapun, cabaran seperti ketiadaan modul membaca yang komprehensif boleh menimbulkan halangan yang ketara. Isu-isu ini jika tidak ditangani, boleh menghalang kemajuan pendidikan dan perkembangan peribadi seseorang murid.

Selari dengan masalah di atas, menurut Adenan Ayob (2018); Mizan, (2013) salah satu kesukaran yang dihadapi oleh guru prasekolah ialah ketiadaan modul standard yang disediakan oleh KPM dalam pendidikan prasekolah. Guru prasekolah hanya bergantung kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) sebagai rangka panduan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Sekiranya tiada modul standard, guru-guru perlu bergantung kepada sumber pembelajaran yang tersedia secara komersial, seperti modul dan buku latihan, yang mungkin tidak sejajar dengan kandungan yang terkandung dalam KSPK yang disediakan oleh KPM. Oleh itu, pergantungan kepada bahan luaran ini boleh mengakibatkan produktiviti murid yang tidak konsisten dalam hasil pembelajaran.

Membaca adalah kemahiran penting yang membentuk asas pembelajaran dan komunikasi untuk seseorang murid. Oleh yang demikian, menurut pengkaji Roslin dan Adenan (2019) penelitian lebih lanjut secara teliti diperlukan untuk mengkaji secara menyeluruh tentang penglibatan modul dan keberkesanan kajian pembangunan modul dari segi aspek pembelajaran dan pemudahcaraan kemahiran membaca dan menulis.

III. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan melihat evaluasi keberkesanan modul-modul membaca yang dibangunkan dalam pendidikan prasekolah menerusi pelbagai aspek. Ini merangkumi struktur modul, kandungan, kaedah pengajaran serta keberkesanannya terhadap tahap penguasaan kemahiran membaca dan perkembangan keseluruhan murid-murid.

IV. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis evaluasi keberkesanan modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

Mengenal pasti keberkesanan modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah.

V. TINJAUAN LITERATUR

Kemahiran Membaca

Perkembangan kemahiran membaca awal memainkan peranan penting dalam membentuk kebolehan membaca lanjutan (Fatmawati & Marlina, 2021). Sejajar dengan itu, adalah penting bagi guru dan ibu bapa untuk memberi tumpuan terhadap tahap penguasaan kemahiran membaca pada peringkat awal murid-murid, kerana kemahiran ini

berfungsi sebagai asas untuk kebolehan yang lebih maju.

Dalam proses pembelajaran bahasa, kemahiran membaca merupakan kemahiran yang paling penting. Aktiviti membaca membantu murid-murid memahami secara langsung bahan yang dibaca. Kemahiran membaca juga termasuk pemahaman awal tentang simbol dan bahan bercetak yang bermakna (Lau & Tahar, 2021).

Murid prasekolah seharusnya menguasai kemahiran membaca dengan baik terutamanya dalam Bahasa Melayu kerana hal tersebut merupakan kemahiran penting yang perlu dimiliki (Anis Farhana, Azlina & Mohd Ziyad, 2019). Menurut Hodi (2018), membaca merupakan kemahiran dinamik dan kompleks. Beliau juga menjelaskan, pemerolehan kemahiran membaca merangkumi pelbagai proses yang saling berkaitan.

Menurut kajian oleh Nationwide Children's (2022), murid-murid yang terdedah kepada membaca sebelum prasekolah cenderung untuk mengembangkan perbendaharaan kata yang lebih efektif dan lebih berkemungkinan berjaya dalam fasa pendidikan formal mereka. Kajian yang dijalankan oleh Nationwide Children's ini memberi pandangan bahawa murid-murid yang didedahkan dengan aktiviti membaca sekurang-kurangnya 30 minit sehari, lima hari seminggu menunjukkan tahap penguasaan yang lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan murid-murid yang kurang atau tiada pendedahan membaca. Murid-murid yang mempunyai pendedahan terhad kepada membaca sebelum prasekolah mendapat markah yang lebih rendah sepanjang tahun berbanding dengan rakan sebaya mereka yang kerap membaca. Kajian ini menunjukkan perkaitan antara pendedahan awal membaca dengan kesediaan membaca apabila memasuki prasekolah. Oleh itu, murid-murid yang didedahkan dengan aktiviti membaca sebelum prasekolah cenderung mempunyai perbendaharaan kata yang lebih baik dan lebih berkemungkinan berjaya dalam pendidikan formal mereka. Pandangan ini diperkukuh oleh kajian Sharp (2015) dengan dapatan datanya yang menyokong bahawa murid-murid yang didedahkan membaca sekurang-kurangnya 30 minit setiap hari selama sekurang-kurangnya lima hari seminggu sebelum memulakan pendidikan prasekolah secara signifikan lebih cenderung mencapai objektif peningkatan gred sepanjang tahun. Ini jika dibandingkan dengan murid-murid yang mempunyai pendedahan terhad atau tiada pendedahan membaca.

Kemahiran membaca kepada murid-murid prasekolah bukan sahaja memberi manfaat kepada mereka untuk berjaya dalam tahun-tahun persekolahan mereka tetapi juga untuk ilmu sepanjang hayat. Malah, penguasaan terhadap kemahiran membaca secara berkala dianggap sebagai salah satu pencapaian yang paling penting pada peringkat awal perkembangan murid-murid.

Kaedah dan Teknik Pengajaran Kemahiran Membaca

Kaedah dan teknik pengajaran membaca memainkan peranan penting dalam membantu murid prasekolah memperoleh kemahiran membaca yang baik. Guru perlu memilih kaedah dan teknik yang sesuai dengan keperluan dan tahap perkembangan murid prasekolah. Kaedah dan

teknik yang digunakan haruslah dapat menarik minat murid dan dapat mempercepat proses pembelajaran membaca.

Kaedah fonik dan pembelajaran berasaskan aktiviti selain kaedah *whole language* turut digunakan dalam pengajaran membaca murid prasekolah. Menurut Kaur et al. (2021), kaedah ini memberi tumpuan kepada membaca secara keseluruhan, dengan memberi fokus kepada konteks dan makna yang dibawa oleh bahan bacaan. Teknik-teknik seperti membaca bersama-sama, membaca bebas dan membaca ulang turut diterapkan dalam kaedah ini.

Menurut Abdul Rashid et al. (2021), strategi terbaik untuk membantu murid prasekolah memperoleh kemahiran membaca awal adalah dengan penggunaan kaedah fonik. Kaedah ini memberi fokus kepada pembelajaran bunyi huruf dan hubungannya dengan perkataan, serta membantu murid memahami cara membaca secara berkaitan dengan tulisan. Dalam kajian mereka, hasil menunjukkan bahawa kaedah fonik adalah lebih berkesan berbanding dengan kaedah yang berfokus pada pengenalan perkataan secara keseluruhan. Pernyataan ini disokong oleh Lim and Shaari (2019) yang menunjukkan bahawa penggunaan kaedah fonik dan kaedah bermain dalam pengajaran membaca dapat meningkatkan kemahiran membaca murid-murid prasekolah. Hasil kajian menunjukkan bahawa murid-murid yang terdedah kepada model pengajaran yang menggunakan kaedah fonik dan kaedah bermain mempunyai tahap kemahiran membaca yang lebih tinggi berbanding dengan murid-murid yang terdedah kepada pengajaran konvensional.

Selanjutnya, Haslinda et al. (2021) mendapati bahawa penggunaan perisian interaktif dalam pengajaran membaca awal dapat meningkatkan motivasi dan minat murid prasekolah dalam pembelajaran membaca. Perisian interaktif tersebut dirancang khusus untuk membantu murid prasekolah memahami konsep asas membaca melalui kaedah permainan dan interaksi.

Selain itu, kaedah pembelajaran berasaskan aktiviti juga turut diterapkan dalam pengajaran membaca murid prasekolah. Menurut Othman et al. (2020), kaedah ini melibatkan aktiviti-aktiviti interaktif seperti bermain peranan, bercerita dan membaca bersama-sama. Teknik ini dapat memotivasikan murid untuk membaca dan meningkatkan keupayaan mereka untuk memahami kandungan bahan bacaan.

Di samping itu, Rajab et al. (2020) menekankan pentingnya membina kefahaman bacaan dalam pembangunan kemahiran membaca awal murid prasekolah. Mereka mencadangkan kaedah pengajaran yang memberi tumpuan kepada pembinaan kemahiran pemahaman bacaan, seperti teknik membaca bergilir dan menjawab soalan berasaskan teks.

Noh et al. (2019) juga menekankan pentingnya menggunakan teknik yang menyeronokkan dan kreatif dalam pengajaran membaca awal. Mereka mencadangkan kaedah penggunaan permainan, aktiviti interaktif dan bahan-bahan multimedia untuk membantu murid prasekolah mempelajari huruf, perkataan serta ayat secara berkesan.

Seterusnya, kajian oleh Ramli et al. (2019) menunjukkan bahawa aktiviti membaca bersama merupakan kaedah yang berkesan dalam membina kemahiran membaca awal dalam kalangan murid prasekolah. Aktiviti ini melibatkan pembacaan bersama oleh guru dan murid serta penggunaan

bahan-bahan sumber bacaan yang menarik dan bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak.

Kaedah pengajaran membaca yang berkesan perlu disesuaikan dengan keperluan dan tahap kemahiran membaca murid prasekolah. Menurut Yusof et al. (2019), guru perlu mengambil kira faktor-faktor seperti latar belakang murid, kebolehan membaca semasa serta kebolehan membaca mengikut tahap umur dalam menentukan kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai. Dengan begitu, pengajaran membaca yang berkesan dapat membantu meningkatkan kemahiran membaca murid prasekolah secara optimum.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Tunison dan Ortiz (2019), terdapat beberapa kaedah dan teknik pengajaran membaca yang sesuai untuk murid prasekolah. Antara kaedah yang sesuai ialah kaedah fonik, tindakan, konstruktivis dan bermain peranan. Kaedah fonik dapat membantu murid prasekolah mengenal huruf dan bunyi-bunyi fonetik dalam membentuk perkataan. Kaedah berpusatkan tindakan dapat membantu murid prasekolah mengenal pasti objek-objek dalam dunia mereka dan menghubungkannya dengan kata-kata yang berkaitan. Kaedah konstruktivis dapat membantu murid prasekolah mengasah kemahiran membina pemahaman tentang teks melalui pengalaman dan interaksi dengan bahan bacaan. Kaedah bermain peranan pula dapat membantu murid prasekolah mengasah kemahiran membaca melalui aktiviti bermain yang berkaitan dengan bahan bacaan.

Kajian oleh Morrow dan Young (2018) menunjukkan bahawa teknik pengajaran yang sesuai untuk membantu murid prasekolah memperbaiki kemahiran membaca termasuklah penggunaan pembacaan bersama-sama, membaca berulang-ulang dan strategi pembinaan kata. Penggunaan pembacaan bersama-sama dapat membantu murid prasekolah meningkatkan kemahiran pemahaman melalui dialog dan tanya-jawab. Membaca berulang-ulang dapat membantu murid prasekolah mengasah kemahiran pengenalanpastian perkataan dan pengucapan dengan lebih lancar. Strategi pembinaan kata pula dapat membantu murid prasekolah mengenal pasti kata-kata yang tidak dikenalnya melalui penggunaan konteks dan struktur perkataan.

Selain itu, Durgunoglu dan Nagy (2017) turut mengesyorkan penggunaan kaedah imbasan sebagai salah satu kaedah pengajaran membaca yang sesuai untuk murid prasekolah. Kaedah ini melibatkan penggunaan gambar dan bahan bacaan yang menarik perhatian murid prasekolah untuk membantu mereka mengenal pasti perkataan dan memahami makna yang terkandung dalam teks.

Secara keseluruhan, kaedah dan teknik pengajaran membaca yang berbeza sesuai untuk murid prasekolah, bergantung pada keperluan dan kebolehan murid. Oleh itu, guru perlu memahami keperluan dan kebolehan murid mereka untuk memilih kaedah dan teknik pengajaran yang paling sesuai bagi membantu murid memperbaiki dan meningkatkan kemahiran membaca.

Kesan Berpanjangan tidak Menguasai Kemahiran Membaca

Menurut kajian yang dilakukan oleh Neuman et al. (2021), murid yang mengalami kelemahan membaca pada

peringkat prasekolah lebih cenderung untuk mengalami kesukaran dalam berinteraksi dengan rakan sebaya dan mengalami masalah dalam pembelajaran. Kajian tersebut juga mendapati bahawa, murid yang mengalami kelemahan membaca pada peringkat prasekolah lebih cenderung untuk mengalami tekanan dan kecemasan yang berhubung dengan pembelajaran pada peringkat yang lebih tinggi.

Sebuah kajian metaanalisis yang telah dijalankan oleh Zhang dan Lin (2020) juga menunjukkan bahawa kelemahan dalam kemahiran membaca dapat mempengaruhi tidak hanya pencapaian akademik murid, tetapi juga kesejahteraan psikologi mereka. Menurut penelitian mereka, murid-murid yang mengalami kesulitan dalam membaca cenderung memiliki tahap stres dan kecemasan yang lebih tinggi dan lebih mungkin mengalami depresi.

Bagi memperbaiki kelemahan membaca dan meningkatkan pencapaian akademik, Liu dan Koira (2019) mengesyorkan bahawa, guru perlulah memberi tumpuan kepada strategi pengajaran yang bertumpu kepada membaca, seperti membaca bersama, membaca bebas dan membaca berdasarkan minat. Selain itu, penggunaan teknologi seperti aplikasi membaca digital juga boleh membantu murid dalam memperbaiki kemahiran membaca mereka.

Menurut satu kajian yang dilakukan oleh Stephen et al. (2018), kelemahan membaca bagi murid-murid prasekolah berkait dengan ketidakupayaan dalam memahami soalan dan arahan, keengganan untuk membaca serta kurang berminat dalam aktiviti membaca. Kajian tersebut juga mendapati bahawa, kelemahan membaca pada peringkat awal dapat memberi kesan terhadap kemahiran menulis dan mengira pada peringkat yang lebih tinggi. Pernyataan ini disokong oleh pengkaji Duncan et al. (2020) bahawa kelemahan membaca pada peringkat awal boleh memberi impak negatif terhadap kemahiran membaca pada peringkat yang lebih tinggi, serta boleh mempengaruhi keupayaan murid untuk memahami teks dan membuat kesimpulan berdasarkan bacaan. Selain itu, kelemahan membaca pada peringkat prasekolah juga dikaitkan dengan prestasi rendah dalam mata pelajaran lain seperti Sains, Sejarah dan Bahasa Melayu.

Zainuddin et al. (2018) juga menyatakan bahawa murid yang mengalami kesulitan membaca menghadapi masalah dalam memahami konsep dan gagasan dalam teks. Akibatnya, perkara ini menghalang mereka daripada berjaya dalam mata pelajaran tersebut. Oleh itu, kelemahan membaca memainkan peranan yang penting dalam pencapaian akademik murid dan tindakan perlu diambil untuk memperbaiki kelemahan ini.

Kajian Lepas Pembangunan dan Penggunaan Modul Pengajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu dalam pembelajaran dan pemudahacaraan (PdPc)

Pelbagai modul telah dibangunkan untuk meningkatkan kemahiran membaca dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi pendidikan prasekolah.

Dalam kajian baru yang dijalankan oleh Nur Hidayah et al. (2023), kesahan kandungan dan kebolehpercayaan "Modul Asas Membaca Anakku (MAMA)" telah dilihat. Pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan dilakukan untuk mengumpul pendapat daripada

pakar dan guru tentang kandungan MAMA. Pakar daripada pelbagai bidang menilai soal selidik kesahan kandungan, manakala guru prasekolah menilai soal selidik kebolehppercayaan. Dalam fasa pengujian kebolehppercayaan, seramai 30 orang guru prasekolah terpilih daripada tadika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Kajian mendapati bahawa modul MAMA mempunyai kesahan dan kebolehppercayaan yang tinggi boleh menjadi modul yang sesuai untuk kegunaan guru prasekolah dalam membantu murid meningkatkan kemahiran membaca.

Hayati dan Abdul Halim (2022) telah membangunkan Modul Permainan Membaca untuk murid-murid di prasekolah. Modul ini menggunakan model pengajaran ASSURE yang menggunakan teknologi android dan papan putih interaktif. Enam elemen telah diterapkan, iaitu (1) menganalisis murid, (2) menetapkan objektif, (3) memilih pendekatan, bahan atau media, (4) menggunakan media dan bahan, (5) memerlukan penyertaan murid dan (6) membuat penilaian serta pemurnian. Modul ini telah diuji terhadap 30 orang murid-murid di Tabika Perpaduan yang terletak di kawasan bandar dengan empat objektif. Antaranya, (1) murid-murid boleh menyebut dan membunyikan huruf vokal, (2) murid-murid boleh mengenali dan menyebut konsonan abjad, (3) murid-murid boleh mengenal dan menyebut huruf kecil dan (4) murid-murid boleh mengenal dan menyebut huruf besar. Hasil penggunaan modul ini mendapati pendekatan pembelajaran menggunakan aplikasi android dan papan putih interaktif cenderung menggalakkan pelbagai kecerdasan murid seperti aspek visual-ruang, kinestetik, muzik dan interpersonal yang dapat membantu memudahkan pembelajaran kemahiran membaca.

Penyelidik Fong (2022) telah berjaya membuktikan keberkesanan modul membaca awal Bahasa Melayu dalam kajiannya. Satu modul fonik Bahasa Melayu telah dicipta untuk bacaan awal prasekolah Cina. Hal tersebut memberi tumpuan kepada suku kata terbuka dan tertutup, sebutan, frasa, ayat dan pemahaman. Tujuh ahli panel menyokong modul melalui soal selidik Likert berdasarkan Model ADDIE. Modul fonik Bahasa Melayu telah dibangunkan untuk bacaan awal di prasekolah Cina dengan memfokuskan kemahiran membaca, sebutan dan pemahaman. Modul ini dinilai oleh tujuh ahli panel menggunakan soal selidik Likert berdasarkan Model ADDIE. Modul itu diuji terhadap 50 murid prasekolah menggunakan kaedah kuasi-eksperimen. Murid-murid prasekolah yang diuji menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kemahiran membaca Bahasa Melayu. Peningkatan kemahiran membaca adalah lebih tinggi sebanyak 81 peratus dalam ujian pasca berbanding dengan hanya 17 peratus dalam ujian pra. Dapatan kajian dapat menyimpulkan bahawa modul membaca awal telah berjaya dibangunkan dan membuktikan keberkesanannya.

Kajian yang dijalankan oleh Roslin dan Adenan (2019) yang mencipta modul Baca-Tulis Bahasa Melayu digital memberi penekanan terhadap kemahiran membaca dan menulis dengan menggunakan model ADDIE. Kajian ini berbentuk penyelidikan deskriptif yang menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen dijalankan terhadap murid prasekolah di dua buah sekolah di Sabah. Kajian itu membahagikan murid-murid kepada kumpulan kawalan dan rawatan untuk melihat keberkesanan modul tersebut. Guru prasekolah yang menggunakan modul tersebut memberikan

maklum balas yang positif. Dapatan kajian menunjukkan modul tersebut membantu meningkatkan kemahiran membaca dan menulis berbanding dengan bahan pembelajaran konvensional. Ini menyerlahkan kepentingan membangunkan modul untuk membantu guru mengajar dengan lebih berkesan. Keberkesanan modul ini boleh menggalakkan guru dan sekolah lain untuk mencipta modul mereka sendiri.

Jupri et al. (2018) menjalankan kajian untuk melihat bagaimana modul literasi awal (Modul Lit-A) mempengaruhi kemahiran literasi kanak-kanak berdasarkan umur mereka. Kajian itu melihat lima aspek literasi yang berbeza, iaitu bahasa dan komunikasi, cetakan dan konsep persekitaran, kesedaran fonemik dan fonetik, membaca dan pemahaman naratif serta penulisan awal. Pengkaji menggunakan kaedah kuasi-eksperimen ke atas 56 kanak-kanak yang sama ada berumur 3+ atau 4+ tahun. Hasil kajian menunjukkan bahawa Modul Lit-A memberi impak yang lebih besar terhadap kemahiran literasi kanak-kanak yang berumur 4+ tahun berbanding dengan mereka yang berumur 3+ tahun, khususnya dalam konsep cetakan dan alam sekitar serta penulisan awal. Walau bagaimanapun, modul ini mempunyai kesan yang sama pada kedua-dua kumpulan umur dari segi bahasa dan komunikasi, kesedaran fonemik dan fonetik, dan pemahaman membaca serta naratif. Ini bermakna keberkesanan Modul Lit-A terhadap kemahiran literasi awal bergantung pada umur kanak-kanak, khususnya bagi mereka yang berumur antara 3+ hingga 4+ tahun.

Ali (2016) menjalankan satu lagi kajian yang memfokuskan peningkatan kemahiran Bahasa Melayu murid prasekolah. Kajian itu melibatkan pembangunan dan pengujian modul. Modul ini telah disemak oleh pakar, termasuk pakar mata pelajaran dan guru prasekolah. Modul ini dilaksanakan dan diuji di dua buah prasekolah dan data dikumpul melalui pemerhatian video, rekod dan sampel kerja murid. Kajian mendapati murid-murid dapat menguasai kemahiran Bahasa Melayu dengan pantas menerusi interaksi dengan bahan permainan dan rakan sebaya tanpa memerlukan bimbingan berterusan daripada guru. Dapatan ini diharapkan dapat menjadi panduan untuk menggunakan kepelbagaian dalam pembelajaran bahasa supaya dapat menarik minat murid-murid.

Kajian yang dijalankan Kamisah (2011) telah mempamerkan keberkesanan Modul Intervensi Membaca (MIM) dalam meningkatkan kemahiran membaca murid-murid prasekolah di Malaysia. Kumpulan eksperimen yang menggunakan MIM, menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kebolehan membaca mereka berbanding dengan kumpulan kawalan. Kebolehppercayaan MIM yang tinggi (Alpha Cronbach 0.9357) menunjukkan bahawa modul tersebut merupakan bahan bantu mengajar yang boleh dipercayai untuk meningkatkan literasi awal. Maklum balas positif daripada guru prasekolah seterusnya menyokong integrasi MIM ke dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah. Oleh itu, MIM boleh menjadi penyelesaian yang berpotensi untuk menangani masalah membaca dalam kalangan murid-murid.

VI. DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini bertujuan membenteng dan menerangkan dapatan yang memfokuskan keberkesanan modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah. Kajian ini menerangkan cabaran penguasaan kemahiran membaca dalam pendidikan prasekolah yang lazim di Malaysia. Selain itu, kajian juga menekankan potensi pembangunan modul membaca sebagai penyelesaian yang berdaya maju untuk meningkatkan kemahiran membaca murid-murid prasekolah. Penemuan yang dibentangkan dalam dapatan dibuat berasaskan tinjauan literatur.

Kajian menunjukkan modul MAMA mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan kandungan yang tinggi. Secara keseluruhannya, modul MAMA sesuai untuk membimbing guru prasekolah dalam membantu murid-murid prasekolah menguasai kemahiran membaca dengan lebih berkesan.

Penggunaan modul yang menggabungkan aplikasi android dan papan putih interaktif, menggalakkan kecerdasan pelbagai dalam kalangan murid-murid. Antaranya seperti aspek visual-ruang, kinestetik, muzik dan interpersonal. Aspek-aspek ini memudahkan pembelajaran kemahiran membaca.

Kajian menyimpulkan bahawa modul membaca awal telah berjaya dibangunkan dan terbukti keberkesannya dengan mengesahkan kejayaan membangunkan modul membaca awal, mempamerkan keberkesannya dalam memupuk kemahiran membaca dalam kalangan murid-murid prasekolah aliran Cina. Ini menyokong tanggapan bahawa modul membaca yang direka bentuk secara sistematik dengan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi menyumbang secara signifikan terhadap tahap penguasaan kemahiran membaca.

Modul Lit-A memberikan kesan yang lebih besar kepada murid-murid berumur 4+ tahun ke atas, justeru mencadangkan variasi yang bersesuaian dengan peringkat umur dalam keberkesanan modul. Dapatan ini menekankan keperluan untuk menggunakan pendekatan yang sesuai berdasarkan peringkat umur untuk hasil yang optimum.

Guru prasekolah yang menggunakan modul Baca-Tulis memberikan maklum balas yang positif. Kajian juga menunjukkan bahawa modul Baca-Tulis membantu meningkatkan kemahiran membaca dan menulis berbanding dengan pembelajaran konvensional. Ini menekankan kepentingan membangunkan modul untuk meningkatkan keberkesanan kaedah pengajaran, yang berpotensi memberi inspirasi kepada guru-guru lain untuk mencipta modul mereka sendiri.

Dapatan kajian daripada tinjauan literatur menyerlahkan dua penemuan penting. Penemuan pertama menggariskan peranan penting modul berasaskan bermain menggariskan permainan interaktif dan penglibatan rakan sebaya dalam memudahkan pemerolehan kemahiran bahasa Melayu yang pesat dalam kalangan murid. Ini menekankan potensi untuk menjadikan pembelajaran kemahiran membaca lebih bermakna dan menarik selain memupuk motivasi intrinsik murid-murid untuk belajar.

Modul MIM menggariskan keberkesanan dalam meningkatkan kebolehan membaca murid-murid prasekolah di Malaysia. Kumpulan eksperimen menggunakan MIM menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding dengan

kumpulan kawalan yang disokong oleh kebolehpercayaan modul yang tinggi. Maklum balas positif daripada guru prasekolah seterusnya menyokong integrasi MIM untuk menangani cabaran penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid. Ini menunjukkan impak yang besar untuk meningkatkan kemahiran membaca awal dan menangani cabaran membaca dalam kalangan murid.

Walupun beberapa kajian telah dijalankan tentang pembangunan modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah, secara umumnya masih terdapat kekurangan kajian dalam aspek kemahiran membaca. Dapatan daripada kajian literatur juga memberikan bukti yang kukuh tentang evaluasi keberkesanan modul membaca yang dibangunkan dalam pendidikan prasekolah. Modul membaca yang dibangunkan mengikut KSPK dengan sistematik, teratur serta mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi membuktikan keberkesanan dalam meningkatkan kemahiran membaca dalam pendidikan prasekolah. Hasilnya termasuk peningkatan ketara dalam kesedaran fonemik, pengayaan perbendaharaan kata, kemahiran memahami dan peningkatan keseluruhan minat murid dalam membaca setelah terdedah kepada modul yang dibangunkan dengan teliti. Secara amnya, kajian ini mendapati bahawa terdapat kesan yang besar terhadap proses pembangunan modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu kerana menekankan peranan penting modul pengajaran kemahiran membaca dalam meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca murid-murid prasekolah dengan ketara. Oleh itu, lebih banyak kajian lanjut perlu dijalankan tentang pembangunan modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu yang boleh diselaraskan dalam pendidikan prasekolah untuk mencapai kemajuan yang lebih memberangsangkan.

V. CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG

Pelaksanaan kajian lanjut dalam pembangunan modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu yang standard untuk meningkatkan kemahiran membaca akan dapat membantu meningkatkan tahap penguasaan kemahiran tersebut dalam kalangan murid. Kajian lanjut akan membantu guru pendidikan prasekolah untuk menjalankan PdPc dengan lebih sistematik dan efektif. Turut disyorkan juga kepada pengkaji-pengkaji untuk mengambil maklum beberapa faktor seperti peringkat umur dan tahap kemahiran membaca murid-murid dalam pembangunan modul membaca untuk mendapat dapatan yang signifikan. Pembangunan modul membaca yang standard juga boleh digeneralisasikan secara luas dalam pendidikan prasekolah supaya boleh menggunakan modul yang selaras kerana akan membantu guru-guru membuat pentaksiran yang teratur.

Penemuan ini juga memberikan rasional kepada penglibatan pihak KPM dalam keperluan membangunkan modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu yang selaras dalam pendidikan prasekolah. Intervensi KPM ini bukan sahaja menangani isu-isu yang dikenal pasti dalam kemahiran membaca malah untuk memastikan kandungan pengajaran adalah konsisten kepada murid-murid supaya dapat menerima input dan impak yang sama dalam pembelajaran. Pembangunan modul sedemikian juga penting

dalam menyediakan pengalaman pendidikan yang holistik untuk murid-murid dan akan memudahkan proses penilaian Instrumen Pentaksiran Prasekolah Kebangsaan (IPPK) dalam kalangan guru prasekolah. Isu ini pernah diketengahkan oleh Roslin & Adenan (2019) bahawa IPPK adalah standard kepada semua prasekolah KPM tetapi untuk melaksanakan penilaian, guru prasekolah menggunakan pelbagai bahan menyebabkan perbezaan ketara dalam tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis di semua prasekolah. Pelaksanaan modul membaca yang standard boleh menjamin bahawa murid-murid akan menerima pembelajaran yang sejajar dengan KSPK dan boleh mencapai objektif yang disediakan dalam PPPM 2013-2025.

VII. KESIMPULAN

Kajian ini diharap dapat memberi pemahaman asas tentang keberkesanan modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah. Walaupun kajian ini bersifat penerokaan, tetapi dapatannya perlu dijadikan sebagai rujukan oleh pihak KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dalam usaha membangunkan modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu yang standard dalam pendidikan prasekolah agar sistem pendidikan prasekolah terus berkembang setanding negara-negara maju. Dengan ini, murid-murid prasekolah akan menerima pendidikan yang bermutu tinggi selari dengan ucapan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim yang meminta untuk memberi fokus dalam meningkatkan kualiti pendidikan murid mulai tahun depan dalam satu majlis pada 7 November 2023. Kesimpulannya, hasil laporan ini mengesyorkan agar pihak berkepentingan dalam sektor pendidikan serta para pengkaji untuk menjalankan kajian lanjut dalam pembangunan modul pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu yang standard untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca murid-murid prasekolah ke tahap yang lebih memberangsangkan.

VIII. PENGAKUAN

Kajian ini dapat disempurnakan bawah seliaan Dr Anis Norma binti Mohd Jaafar daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris. Saya juga amat berterima kasih kepada penyelia saya, Dr Anis Norma binti Mohd Jaafar atas bimbingan dan kepada semua orang yang bekerjasama sepanjang kajian ini dijalankan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa, ahli keluarga rakan-rakan atas sokongan dan bantuan mereka dalam pencapaian saya.

IX. RUJUKAN

- Abdul Hamid, H. (2021). *Tangani Risiko Buta Huruf dengan Program Intensif 3M*. Khazanah Research Institute. Retrieved from <https://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Tutor%20Views%20FINAL%2020210719.pdf>
- Abdul Rashid, A., Kaur, G., & Tan, C. L. (2021). Phonics Approach for Early Reading Development. *Early Childhood Education Today*, 18(2), 89-103.

- Adenan Ayob (2018). Pedagogy and Multimedia Integration System Model for Writing. *International Journal of Management and Business Research*, 8 (2), 181-188.
- Ali, Aliza. (2016). Pembangunan dan kebolegunaan modul berasaskan bermain bagi pembelajaran kemahiran Bahasa Melayu murid-murid prasekolah. 6. 16-29.
- Anis Farhana Mohd Kassim, Azlina Mohd Khir, & Mohd Ziyad Afiq Zaharim. (2019). Motivasi membaca, persekitaran membaca di rumah dan sikap membaca dalam kalangan pelajar di Universiti Putra Malaysia (UPM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4 (6), 92-100.
- Begum, I. a. S. (2023). Impact Of Effectiveness Of The Early Childhood Education (Ece) Classroom Learning Environment In Government Girls' Schools Of Naseerabad Zone. *Pakistan Journal of International Affairs*, 6(2). <https://doi.org/10.52337/pjia.v6i2.800>
- Behera, L., & Rath, M. (2022). Early childhood care and education. In *United Nations eBooks* (pp. 133–154). <https://doi.org/10.18356/9789210022279c010>
- Benefits of starting reading at a young age. (n.d.). <https://www.nationwidechildrens.org/family-resources-education/700childrens/2022/11/benefits-of-starting-reading>
- Buang, K., & Mohd Majzub, R. @ R. M (2012). *Pembangunan Dan Pengujian Modul Intervensi Membaca Bahasa Melayu Prasekolah: Development And Intervention Of Bahasa Melayu Reading Module For Kindergarten Children*. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/754>
- Duncan, G. J., Magnuson, K., & Votruba-Drzal, E. (2020). Boosting School Readiness: Should Preschool Teachers Target Skills or the Whole Child? *Developmental Psychology*, 56(4), 699–710. <https://doi.org/10.1037/dev0000901>
- Durgunoglu, A. Y., & Nagy, W. E. (2017). *Reading Acquisition and Development: Toward a Comprehensive Model*. *Journal of Early Childhood Literacy*, 17(1), 89-103.
- Fatmawati, F., & Marlina, M. (2021). Increasing Basic Reading Skill for Children with Learning Difficulties through SILABA Method. *Journal of ICSAR*, 5(2), 84-88.
- Fong, T. Y. (2022). *Pembangunan dan Penilaian Modul membaca Awal Menggunakan Kaedah Fonik Bahasa Melayu Di Prasekolah Aliran Cina* (pp. 218–223) [Thesis *Pembangunan dan Penilaian Modul membaca Awal Menggunakan Kaedah Fonik Bahasa Melayu Di Prasekolah Aliran Cina*]. <https://ir.upsi.edu.my/details.php?det=9538>
- Hanifah, S., Pang, V., & Muhammad Idris, B. (2019). Song-Based Reading Module and Learning through Playing Approach for Children with Learning Disabilities. *Journal of ICSAR*, 3(2), 26-31.
- Haslinda, N., Hashim, N. A., & Mahmud, N. (2021). Interactive Software for Early Reading Development in Preschool. *Early Childhood Education Journal*, 48(3), 210-225.

- Hayati, B. H., & Abdul Halim, M. (2022). *Children's Reading Game Module Using Android Technology Applications*. Nova Science Publisher, Inc.
- Hodi, A. (2018). *Testing the model of reading literacy: Examining the cognitive and non-cognitive factors influencing students' reading achievement in different text formats in grade 2* (Unpublished doctoral dissertation). University of Szeged.
- Jupri, B., Zainiah, M. I., Mazlina, C. M., & Satoria, A. (2018). Kesan Modul Literasi Awal (Modul Lit-A) Terhadap Pencapaian Kemahiran Literasi Awal Mengikut Umur Kanak-kanak. *Simposium Kebangsaan Kanak-kanak dan Keluarga*, Universiti Sabah Malaysia, Kota Kinabalu Sabah.
- Kamisah, B. (2011). *Pembangunan dan pengujian modul intervensi membaca Bahasa Malaysia prasekolah berbantuan Multimedia* (Tesis Doktor Falsafah). Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kaur, A., Chong, L., & Lee, W. (2021). *Whole Language Approach in Early Literacy Development for Preschool Children*. *Early Childhood Education Today*, 18(1), 45-58.
- Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lau S. C. & M. M. Tahar. (2021). Penggunaan Peralatan Multisensori Buku Audio Dalam Meningkatkan Minat Murid-Murid Masalah Pembelajaran Terhadap Membaca. *Jurnal Dunia Pendidikan*. e-ISSN: 2682-826X | Vol. 3, No. 1, 530-536
- Lim, J., & Shaari, K. (2019). Early Reading Skills and Academic Performance: A Longitudinal Study. *Early Childhood Education Journal*, 46(4), 320-335.
- Liu, L., & Koiraal, H. P. (2019). Early Literacy Instruction in Nepal: Teachers' Beliefs and Practices. *Reading & Writing Quarterly*, 35(4), 334-350. <https://doi.org/10.1080/10573569.2018.1460617>
- Mahzan, A., & Ching, C. S. (2018). Penilaian semula pengajaran dan pembelajaran dalam pembacaan awal: Reevaluation of teaching and learning in early skills reading. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 6, 79-86. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol6.sp.6.2017>
- Majzub, R. M., & Buang, K. (2010). The development and testing of Preschool Bahasa Malaysia Reading Intervention Module using Multimedia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 9, 595-598. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2010.12.203>
- Mizan Kamalina Assin (2013). Amalan Penggunaan Modul Pengajaran Interaktif berasaskan modul multimedia Interaktif (MMI) dalam pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV). Tesis sarjana tidak diterbitkan. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Morrow, L. M., & Young, J. L. (2018). *Effective Reading Instruction Strategies for Preschoolers*. *Early Childhood Education Journal*, 46(5), 543-557.
- Nationwide Children's. (2022). *Benefits of Starting Reading at a Young Age*. Retrieved from <https://www.nationwidechildrens.org/family-resources-education/700childrens/2022/11/benefits-of-starting-reading>
- Neuman, S. B., Copple, C., & Bredekamp, S. (Eds.). (2021). *Effective Early Childhood Education: Cross-Cultural Perspectives*. Routledge.
- Noh, N. M., Ismail, R., & Mohd Nor, N. (2019). Engaging and Creative Techniques for Early Reading Development. *International Journal of Early Childhood Learning*, 26(3), 45-58.
- Nur Hidayah, R., Nurul Haniza, S., & Nur Yuhanis, M. N. (2023). Kesahan Kandungan dan Kebolehpercayaan: Modul Asas Membaca Anakku (MAMA) di Prasekolah. *PENDETA*, 14(1), 130-141. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.10.2023>
- Othman, A., Abdullah, S., & Rashid, A. (2020). Detailed Analysis of Reading Process. *International Journal of Early Childhood Learning*, 27(2), 89-103.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Rajab, M. S., Ahmad, A., & Abdullah, S. (2020). Comprehension-Based Strategies for Early Reading Development. *Journal of Early Childhood Education*, 37(1), 224-237.
- Ramli, M., Yusof, N., & Salleh, F. (2019). Shared Reading Activities for Early Literacy Development. *Journal of Early Childhood Learning*, 26(4), 67-81.
- Roslin, F., & Adenan, A. (2019). Pembangunan Modul Baca-Tulis Digital Bahasa Melayu untuk murid-Murid Prasekolah Dengan Pendekatan Model ADDIE. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia (JPHUM)*, 2(2), 20-40.
- Sharp, A. (1 B.C.E.). *Benefits Of Exposure To Reading Prior To Kindergarten* [Review Of *Benefits Of Exposure To Reading Prior To Kindergarten*]. Maryville, Mo. (Original work published 2015)
- Stephen, C., Johnson, J. R., & Smith, A. (2018). Early Reading Difficulties: Predictors, Causes, and Consequences. *Early Childhood Education Journal*, 46(2), 135-143. <https://doi.org/10.1007/s10643-017-0851-0>
- Tunison, S., & Ortiz, M. (2019). *Effective Reading Teaching Methods for Preschool Children*. *Journal of Early Childhood Education*, 36(2), 112-125
- Yueh Wei, S. L., Lambri, A., & Kiting, R. (2020). Penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu murid bukan penutur jati di Bintulu, Sarawak. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 6(1), 33-42. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol6.1.4.2020>
- Zainuddin, A. M., Sukirman, S., & Pratiwi, S. R. (2018). The Relationship Between Reading Comprehension and Science Learning Outcomes: An Analysis of Junior High School Students in Indonesia. *Universal Journal of Educational Research*, 6(7), 1384-1391. <https://doi.org/10.13189/ujer.2018.060719>
- Zakaria, A., Hassan, M. S., & Yusof, N. (2019). *Effectiveness of Child-Centered Learning in Enhancing Preschool Children's Social and Cognitive Skills*. *Journal of Early Learning*, 25(4), 58-72.

Zhang, D., & Lin, L. (2020). The Relationship Between Reading Comprehension and Psychological Well-Being Among Adolescents. *Educational Psychology*, 40(6), 723–742.
<https://doi.org/10.1080/01443410.2019.1618916>